

Usaha bersepadu perbaiki urusan haji

Oleh Nazar Abdul

UMBAH 3 0 SEP 2000

BUAT julung kalinya satu persidangan antarabangsa mengenai panduan haji akan diadakan di Palace of The Golden Horses, Kuala Lumpur selama tiga hari mulai esok. Persidangan itu dianjurkan Kementerian Haji Arab Saudi dan disertai perwakilan dari 51 negara termasuk 25 perwakilan bertaraf menteri.

Antara yang hadir ialah Menteri Hal Ehwal Agama Indonesia Muhamad Talhah Hassan, Menteri Hal Ehwal Agama dan Jemaah Pakistan, Abdul Malik Kasi, Menteri Waqaf Mesir, Dr Mahmud Hamdi Zagzug dan Ketua Koordinasi Pejabat Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Presiden Filipina, Ismail Naga Junir.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan persidangan yang akan disiarkan secara langsung ke 51 negara. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Badawi akan melakukan upacara penutupannya.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) Datuk Badroddin Kassim, pemilihan Malaysia sebagai tuan rumah persidangan adalah satu penghormatan besar bagi negara dan juga lembaga berkenaan.

"Ia membuktikan segala usaha yang dijalankan oleh Tabung Haji dalam urusan haji selama ini diakui dan mendapat pengiktirafan Kerajaan Arab Saudi," katanya.

Beliau berkata apa yang membanggakan ialah Tabung Haji sering ditunjukkan Kerajaan Arab Saudi sebagai contoh terbaik dalam urusan haji yang teratur dan berkesan.

Negara yang menghantar jemaah haji selalu disaran mencontohi Malaysia dalam pengurusan haji termasuk program latihan atau kursus bagi bakal haji.

Pemilihan Malaysia sebagai tuan rumah persidangan ini juga membuktikan Kerajaan Arab Saudi menaruh kepercayaan besar kepada negara ini untuk membantu memperbaiki segala urusan haji.

Kini, Kerajaan Arab Saudi dikatakan mengambil pendekatan lebih terbuka untuk memperbaiki segala urusan dan pengendalian haji.

Melalui persidangan antarabangsa mengenai panduan haji ini, mere-

Resolusi daripada persidangan ini akan dikaji oleh Kerajaan Arab Saudi dan dijadikan panduan untuk menggubal peraturan bagi memperbaiki urusan dan pengendalian haji di Tanah Suci

ka berharap mendapat maklum balas yang berguna serta boleh diguna pakai dalam pengurusan haji pada masa akan datang.

Untuk persidangan pertama ini, empat negara iaitu Malaysia, Turki, Senegal dan Jordan diberi penghormatan membentangkan kertas kerja mengenai pengalaman mereka mengurus dan mengendalikan jemaah haji negara masing-masing.

Resolusi daripada persidangan ini akan dikaji oleh Kerajaan Arab Saudi dan dijadikan panduan untuk menggubal peraturan bagi memperbaiki urusan dan pengendalian haji di Tanah Suci.

"Kerajaan Arab Saudi sedang

mencari jalan untuk mendapatkan satu modul yang terbaik mengenai pengurusan haji supaya dapat dilaksanakan pada masa akan datang," kata Badroddin.

Beliau gembira kerana Kerajaan Arab Saudi kini menerima pandangan dan cadangan daripada negara luar termasuk Malaysia untuk memperbaiki urusan haji setiap tahun.

Mereka kini peka dengan kehadiran jemaah haji yang sentiasa berubah dari semasa ke semasa dan bersedia melayani mereka bagi memberi kepuasan dan kesenangan kepada Tetamu Allah.

Selain itu persidangan bersejarah ini juga memberi peluang kepada perwakilan bertukar-tukar fikiran dan pengalaman mengenai urusan haji supaya perjalanan mengerjakan haji bertambah baik pada masa akan datang.

Ia juga memberi peluang kepada peserta menjalin hubungan lebih erat antara mereka dan pihak pengurusan haji di Arab Saudi khususnya ejen pengendali haji supaya segala urusan haji dapat dilaksanakan dengan baik dan lan-

car.

Persidangan ini juga memberi peluang kepada Kerajaan Arab Saudi melalui Menteri Hajinya, Dr Iyad Ameen Madani memberitahu perwakilan mengenai usaha mereka menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan kepada jemaah haji dari seluruh dunia.

Kerajaan Arab Saudi dikatakan melakukan apa saja yang boleh untuk memperbaiki segala kemudahan asas dari segi pengangkutan, penginapan, kesihatan dan perhubungan supaya jemaah haji dapat menikmati keadaan yang selesa dan selamat ketika berada di Tanah Suci.

Sempena persidangan ini, Kementerian Haji Arab Saudi juga mengadakan pameran khas mengenai haji di lobi hotel dan ia dibuka kepada orang ramai dari jam 10 pagi hingga 10 malam setiap hari.

Menurut Penyelaras Persidangan Hussain Ali Bondagjy pameran ini adalah peluang keemasan bagi perwakilan dan juga rakyat Malaysia untuk melihat sejarah haji dan keadaan di Tanah Suci.

Mereka dapat melihat peruba-

han dan kemajuan yang dijalankan oleh Kerajaan Arab Saudi dalam usaha memberi kemudahan dan perkhidmatan yang terbaik kepada jemaah haji seluruh dunia.

Lebih 100 barang pameran seberat 10 tan metrik dibawa khas dari Arab Saudi untuk pameran ini yang bertujuan memberi gambaran jelas mengenai ibadat haji dan keadaan yang akan dialami oleh jemaah haji di Tanah Suci.

Antara barang pameran itu ialah model Masjidilharam Makkah dan Masjid Nabawi, Madinah selain gambar besar kedua-dua masjid.

Gambar struktur Telaga Zamzam dan gambar lama kedua-dua kota suci Makkah dan Madinah juga akan dipamerkan.

Menurut Bondagjy pihak penganjur juga akan memberi pelbagai cenderamata seperti air zamzam, poster masjid dan kurma kepada pengunjung pameran itu.

Beliau berharap pameran ini akan memberi maklumat berguna kepada perwakilan persidangan dan pengunjung mengenai ibadat haji dan keadaan di Tanah Suci.